



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



**TADABBUR AL-QURAN MENURUT SIDI ZARRUQ (W.899H) DI DALAM AL-NASIHAH AL-KAFIYAH****Tadabbur al-Quran according to Sidi Zarruq (d.899H) in al-Nasihah al-Kafiyah**

Mohammad Syafiq Ismail

Calon Doktor Falsafah Kemanusiaan (Pengajian Peradaban), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

abualhasan09@ymail.com

**Abstrak**

Kajian ini berusaha untuk menampilkan konsep tadabbur al-Quran menurut seorang ulama dan sufi terkenal Sidi Zarruq al-Fasi (w.899H) di dalam kitabnya berjudul *al-Nasihah al-Kafiyah*. Kajian ini menggunakan analisis isi induktif terhadap teks Sidi Zarruq yang tersebut. Di dalam kitab ini, beliau telah meletakkan tiga syarat asas bagi tadabbur al-Quran, untuk menjamin proses tadabbur yang berjaya. Tiga syarat tersebut ialah mengetahui *gharib* al-Quran dan hukum-hakamnya yang wajib dilaksanakan, tidak mengehendkan kefahaman kepada tafsir yang *mahfuz (ma' sur)* sahaja dan memerhatikan setiap ayat al-Quran mengikut kesesuaiannya: *Zahir, Batin, Hadd dan Matla'*. Sidi Zarruq berpendapat bahawa tadabbur al-Quran yang berjaya merupakan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan setiap muslim terhadap al-Quran.

**Kata kunci:** Tadabbur, al-Quran, Sidi Zarruq**Abstract**

This study seeks to unravel the concept of tadabbur al-Quran according to a famous scholar and sufi Sidi Zarruq al-Fasi (d.899H), in his book entitled *al-Nasihah al-Kafiyah*. This study uses inductive content analysis of the Sidi Zarruq's text as stated before. In this book, he has laid down three basic conditions for tadabbur al-Quran, to ensure a successful tadabbur process. The three conditions are; to know the *gharib* of the Qur'an and its teachings that must be practiced, not to limit the understanding to the tafsir that is *mahfuz (matsur)*, and to observe each verse of the Qur'an according to its suitability: *Zahir, Batin, Hadd and Matla'*. Sidi Zarruq argues that successful tadabbur of the al-Quran is a responsibility that every Muslim must perform towards the al-Quran.

**Keywords:** Tadabbur, al-Quran, Sidi Zarruq**PENDAHULUAN**

Tadabbur al-Quran merupakan sebuah idea dan istilah yang giat dibincangkan dinihari, samada di peringkat lokal (Rahman: 2020. Rahman et al: 2019. Hamid: 2019. Zabidi: 2019) dan antarabangsa (Khalil: 2017. al-Lahim: 2016. al-Sabt: 2016. Yasin: 2004.) Sekiranya ditelaah lebih mendalam, kita mendapati terdapat beberapa ulama yang telah terdahulu membahaskan mengenai Tadabbur al-Quran ini secara khusus, sejak 80an kurun lepas, seperti Syekh Abd al-Rahman Habbanakah al-Maidani (w.2004M) di dalam kitabnya berjudul '*Qawaid al-Tadabbur al-Amtsal li Kitabillah azza wa jalla'* (1980).

Seraya perkembangan dan birokrasi ilmu zaman moden, perbahasan Tadabbur al-Quran mulai dibahaskan secara tersendiri. Hal ini bukanlah bererti para ulama terdahulu tidak pernah membahaskannya. Sebagai contoh, al-Baidhawi (w. 685H) di dalam '*Anwar al-Tanzil'* (t.th: 1/478) dan al-Buqa'i (w.885H) di dalam '*Nazm al-Durar'* (1994: 2/238) masing-masing mentafsirkan konsep tadabbur ini dalam syarahan mereka akan ayat 82 Surah al-Nisa', yang diertikan mereka sebagai 'merenungkan dan memikirkan tentang natijah serta kesudahan sesuatu perkara'.

Kita melihat, menjadi satu keperluan bagi pengkaji masa kini, untuk mengkaji dan mencungkil kefahaman tadabbur al-Quran yang ada pada khazanah turats para ulama terdahulu. Ia merupakan bentuk penghargaan kita pengkaji muslimin masa kini kepada kebijaksanaan dan kiprah ilmiah para ulama terdahulu. Dalam masa yang sama, dengan mengkaji turats berkenaan tadabbur al-Quran ini, ada kemungkinan kita akan menemukan susunan konsep tadabbur yang berseni dan istimewa bagi seseorang ulama, yang belum pernah dikemukakan oleh ulama selainnya. Hal ini akan memperdalamkan kefahaman kita terhadap dinamika al-Quran, sepertimana dikatakan bahawa ia *hammal aujuh* (memiliki segi yang pelbagai).

Kajian ini akan berusaha untuk mengemukakan dan menyusun semula konsep Tadabbur al-Quran menurut seorang alim Fez yang masyhur, Sidi Zarruq (w.899H), yang kita temukan di dalam sebuah kitab syarahan hadis oleh beliau, berjudul *al-Nasihah al-Kafiyah liman Khassahu Allah bil 'Afiyah* (1993). Kajian ini menggunakan analisis isi induktif terhadap teks Sidi Zarruq yang tersebut. Bahagian teks yang berkaitan dengan kajian ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa melayu, dan telah diterbitkan dalam bentuk digital dengan judul 'Nasihat Demi Kitabullah' (Zarruq, 2021: 7-8). Kita akan merujuk sepenuhnya terjemahan ini untuk kajian ini. Seluruh terjemahan di dalam kajian ini merupakan terjemahan kita sendiri melainkan sekiranya dinyatakan.

### Tadabbur al-Quran

Tadabbur al-Quran merupakan istilah yang terdiri daripada dua perkataan: tadabbur dan al-Quran. Tadabbur berasal daripada kata pokok *دبر da-ba-ra* yang maksudnya berlegar sekitar makna 'penghujung sesuatu' (Ibn Faris, 2001: 2/266). Al-Jurjani (1987: 17) mendefinisikan tadabbur sebagai perbuatan merenungkan tentang kesudahan dan natijah sesuatu perkara. Beliau membezakan antara tadabbur dan tafakkur, di mana tafakkur bermaksud memikirkan punca sesuatu, sementara tadabbur bermaksud memikirkan konsekuensinya.

Para ulama tafsir juga, sepertimana yang telah dibahaskan sebelum ini, meletakkan definisi yang mirip dan seerti yang dibawakan Ibn Faris dan al-Jurjani ini. Ini mengukuhkan lagi tesis al-Wahbi bahawa perkataan tadabbur ini kekal difahami oleh para ulama tafsir menurut konteks bahasanya dan ia tidak memiliki atau dipindahkan maknanya kepada sebarang konteks syar'ie yang khusus (al-Wahbi, 2019: 30).

Al-Quran pula bermaksud firman Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad, bermula daripada Surah al-Fatihah dan ditutup dengan Surah al-Nas (Ibn Utsaimin, 2008: 8. al-Zurqani, 1999: 1/15-18) Ia merupakan kitab rujukan terutama bagi penganut agama Islam. Sekiranya perkataan 'tadabbur' dan 'al-Quran' digabung, maka ia membentuk istilah baharu, dan dirumuskan secara baik oleh al-Wahbi (2019: 35): Tadabbur al-Quran bererti merenung dan memikirkan al-Quran secara mendalam, dengan tujuan untuk mengambil iktibar dan pencerahan.

Perkataan tadabbur dibahaskan berulang kali di dalam al-Quran. Di dalam ayat 82 Surah al-Nisa' dan ayat 24 Surah Muhammad, Allah mengecam orang yang tidak melakukan tadabbur al-Quran, dan menyifatkan mereka yang tidak tadabbur ini seumpama mereka yang hatinya terkunci daripada kebenaran. Di dalam ayat 29 Surah Sad, Allah menjelaskan bahawa antara tujuan atau maqasid penurunan al-Quran itu sendiri ialah agar manusia mentadabburi ayat-ayatnya dan menghayati isi kandungannya, yang akhirnya menjadi kunci kepada beramal dengan ajaran al-Quran. Tanpa tadabbur al-Quran, kefahaman Islam yang sahih dan amal yang benar tidak akan mampu tercapai.

Kita berpendapat, bahawa perkataan tadabbur ini juga boleh diterjemahkan ke dalam bahasa melayu sebagai 'menghayati'. Kesalingan antara tadabbur dan penghayatan ini pernah kita bahaskan di dalam penulisan yang lain (Ismail, 2019: xvi), di mana tadabbur al-Quran ini berfungsi menghidupkan dan menghayat-kan *حياة* hati yang mati dan mengembalikannya kepada kesedaran hakiki.

### Sidi Zarruq dan *al-Nasihah al-Kafiyah*

Sidi Zarruq, ataupun nama penuhnya Ahmad bin Ahmad al-Baransi al-Fasi, merupakan seorang alim sufi dan faqih Maliki, berasal daripada Fez, Morocco. Juga terkenal dengan gelaran Sidi Ahmad Zarruq. Beliau telah mengarang banyak kitab yang merangkumi pelbagai bidang kajian Islam, misalnya syarahan kepada Risalah Ibn Abi Zaid dalam Fiqh (2006), syarahan kepada Hikam Ibn Atallah dalam Tasawuf (1985). Menurut kajian Khusyaim (2002: 80), syarahan Hikam tersebut diselesaikan ketika Sidi Zarruq baru berusia 24 tahun, hal yang menurut kita mencerminkan keperibadian ulama dan wibawanya sebagai seorang penulis yang tergilap sejak usia dini.

Teks yang kita jadikan rujukan utama untuk kajian ini berjudul *al-Nasihah al-Kafiyah liman Khassahu Allah bil 'Afiyah* atau lebih dikenali dengan nama *al-Nasihah al-Kafiyah*. Ia boleh dinilai sebagai syarahan Sidi

Zarruq akan sebuah hadis sahih yang diriwayatkan Muslim, berkenaan nasihat sebagai tiang seri agama.

عَنْ أَبِي رُقَيْبَةَ تَمِيمِ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الدِّينُ النَّصِيحَةُ. فُلْنَا لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ  
وَلِرَسُولِهِ وَلَائِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Diriwayatkan daripada Abu Ruqayyah Tamim al-Dari radiAllahu anhu, sesungguhnya Nabi S.A.W bersabda, “Agama adalah nasihat”. Kami berkata: Kepada siapa? Baginda bersabda, “Demi Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya dan demi pemimpin kaum muslimin dan rakyatnya”. (HR Muslim, no. 55)

Menurut Khusyaim (2002: 83), kitab *al-Nasihah al-Kafiyah* ini merupakan inti dan prinsip asas kepada Tariqah Zarruqiyah yang diajarkan oleh Sidi Zarruq.

Kitab ini terbahagi kepada lima bab, dengan setiap bab menjelas hak serta tanggungjawab yang wajib dilaksanakan kepada Allah, kepada Rasulullah, kepada al-Quran, kepada umum muslimin, dan kepada golongan yang khusus dalam kalangan muslimin: umara’ (para pemimpin), ulama’ (ilmuan), dan fakir miskin.

Kitab ini telah disyarahkan oleh Ibn Zakri al-Fasi (w.1144H) di dalam kitabnya *Syarh al-Nasihah al-Kafiyah* (2016), dan disyarahkan juga oleh Abu Madyan al-Fasi (w.1181H, berbeza dengan Abu Madyan al-Andalusi w.594H) di dalam kitabnya *al-Mawarid al-Sofiyah min Syarh al-Nasihah al-Kafiyah* (2013). Bab ketiga daripada kitab Sidi Zarruq ini telah diterjemahkan sepenuhnya ke dalam bahasa melayu, dan diterbitkan dalam bentuk ebuks dengan judul ‘Nasihat demi Kitabullah’, seperti yang telah dinyatakan di dalam pendahuluan. Kita akan merujuk sepenuhnya versi terjemahan melayu untuk kajian ini.

### Tadabbur al-Quran menurut Sidi Zarruq

Sidi Zarruq (2021) membahaskan perihal konsep dan syarat tadabbur al-Quran ini sebagai rantingan daripada perbahasan hak dan kewajiban yang perlu dilaksanakan muslim terhadap al-Quran. Menurut beliau, kewajiban muslim terhadap al-Quran itu terbahagi kepada tiga:

- a) Tadabbur ayat-ayat al-Quran.
- b) Mematuhi perintah dan larangan al-Quran.
- c) Tahsin dan memperbaiki bacaan al-Quran.

Beliau tidak meletakkan definisi khusus bagi istilah Tadabbur al-Quran ini. Beliau secara ringkas menyatakan syarat-syarat bagi tadabbur al-Quran, yang boleh dianggap sebagai manual amali bagi tadabbur. Sidi Zarruq (2021: 8) menyenaraikan tiga syarat tadabbur al-Quran:

1. Mengetahui *gharib* al-Quran, dan hukum-hakamnya yang wajib dilaksanakan, asalkan tidak keterlaluan.

Meskipun al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab, ia memiliki beberapa perkataan yang memerlukan kepada pentafsiran para ulama, kerana kehalusan seni bahasa Arab itu sendiri, dan hilangnya kepakaran bahasa Arab dalam kalangan muslimin terkemudian (*khalaf*), meskipun mereka menulis dan bertutur menggunakan bahasa Arab. Justeru, kita boleh menyimpulkan yang menurut Sidi Zarruq, kerana tadabbur itu bererti penghayatan al-Quran, maka memahami *gharibnya* juga menjadi prasyarat kepada tadabbur yang berjaya.

al-Zarkasyi (2013: 178) mendefinisikan ilmu *Gharib* al-Quran ini sebagai ilmu *Madlul* al-Quran, yakni makna khas yang ingin disampaikan oleh perkataan-perkataan al-Quran, yang dicerap melalui *al-Siyaq* (laras) ayat al-Quran. Terdapat banyak kitab yang telah dikhususkan untuk ilmu ini, misalnya dalam bentuk klasik seperti *al-Mufradat fi Gharib al-Quran* (1991) oleh al-Raghib al-Asfahani (w.502H) dan dalam bentuk moden seperti *al-Siraj fi Gharib al-Quran* (2013) oleh Muhammad al-Khudairi. *Gharib* al-Quran ini juga terdapat di dalam kitab-kitab tafsir, dan disekalikan dengan tafsir al-Quran.

Sidi Zarruq juga meletakkan prasyarat tadabbur di sini ialah wajib mengetahui hukum-hakam syarak yang dibawakan di dalam al-Quran. Kita boleh menyimpulkan, sebagai salah satu syarat tadabbur yang berjaya, seseorang itu perlu mengkaji dalil-dalil kepada ilmu Fiqh yang ada di dalam al-Quran itu. Beliau tidak menyertakan amal kepada hukum-hakam al-Quran sebagai tadabbur, ia merupakan natijah daripada tadabbur.

Beliau mengikat syarat mengetahui *gharib* dan hukum-hakam ini, dengan menyatakan من غير إفراط (asalkan tidak terketerlaluan), yakni tidak berlebihan dalam menggali *gharib* dan hukum-hakam, hingga maksud asal tadabbur dan penghayatan kesemua ayat di dalam al-Quran itu terhalang.

2. Tidak menghadkan kefahaman kepada tafsir yang *mahfuz (ma'tsur)* sahaja, asalkan hukum-hakamnya diisbatkan.

Tafsir al-Quran terbahagi kepada dua cara, menurut majoriti pakar tafsir. Salah satunya ialah tafsir dengan riwayat hadis atau atsar para sahabat dan tabi'ien, yang digelar sebagai *Tafsir bil Ma'tsur*. Cara kedua ialah *Tafsir bi al-Ra'yi*, dengan menggunakan istinbat dan kefahaman masing-masing daripada ulama dan pembaca al-Quran. Tafsir bi al-Ra'yi ini dinilai sahih, asalkan ia tidak bertentangan dengan *tsawabit* Islam dan riwayat tafsir yang sahih daripada Rasulullah (Sunnah). (Ibn Utsaimin, 2008: 28-35. al-Zurqani, 1999: 2/11-12.)

Seakannya di sini, Sidi Zarruq mengingatkan kepada semua pembaca al-Quran dan pentadabburnya, akan firman Allah yang telah menurunkan al-Quran agar dihayati kesemua muslimin, kewajiban menghayati sendiri firman Allah, serta kewajiban mengaitkan al-Quran dengan kehidupan seharian mereka. Beliau ingin menghapuskan syak wasangka yang boleh jadi terbit dalam awam muslimin yang menghindari daripada tadabbur al-Quran, atas alasan kurang ilmu untuk memahaminya.

Tidak keterlaluan kiranya kita menyimpulkan beliau mengajak muslimin untuk menggunakan akal fikiran mereka untuk mentafsir al-Quran secara *dirayah* yang sahih. Hal ini bersesuaian dengan atsar yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas tentang wujudnya isi kandungan al-Quran yang boleh difahami oleh kesemua orang dan ada yang boleh difahami hanya melalui pentafsiran ulama. (al-Tabari, 2012: 1/10).

3. Memerhatikan setiap ayat al-Quran mengikut kesesuaiannya: *Zahir, Batin, Hadd* dan *Matla'*.

Sidi Zarruq membahagikan isi kandungan al-Quran kepada empat jenis, dan mengelaskan kepakaran sesuai dengan jenis isi kandungan al-Quran itu. Demikian dilakukan beliau, kita mengandaikan, untuk memudahkan tugas para pentadabbur untuk merujuk pakar yang bersesuaian bagi merungkai lapisan pentafsiran yang dikehendaki.

- a) *Zahir* al-Quran: pakar nahu dan *qurra'* (penghafal al-Quran)
- b) *Batin* al-Quran: para pentafsir yang mengetahui maknanya.
- c) *Hadd* al-Quran: para fuqaha'.
- d) *Matla'* al-Quran: para ulama sufi yang merupakan *Ahl al-Dzauq wa al-Syuhud*, yakni yang memiliki dzauq rohani dan musyahadah yang tinggi.

Pembahagian kefahaman isi al-Quran kepada empat jenis ini (zahir, batin, hadd dan matla') bukanlah baharu dalam tradisi tafsir Islam. Ia merujuk kepada sebuah hadis yang diriwayatkan Ibn Abd al-Barr dalam *al-Tamhid* (1980: 8/282):


أُنزِلَ الْقُرْآنُ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ، لِكُلِّ آيَةٍ مِنْهَا ظَهْرٌ وَبَطْنٌ، وَلِكُلِّ حَدٍّ وَمَطْلَعٍ

“Al-Quran diturunkan dalam tujuh *ahruf*. Bagi setiap ayatnya, ada zahir dan batin. Begitu juga, bagi setiapnya ada *hadd* dan *matla'*.”

Sidi Zarruq tidak menetapkan definisi setiap daripada jenis-jenis ayat al-Quran ini, mungkin kerana mengiktiraf wujudnya khilaf dalam pendefinisian. (al-Zurqani, 1999: 2/67-68).

Dengan menggunakan pembahagian ini, beliau memasukkan para ulama sufi dalam golongan ilmuan yang layak mentafsir al-Quran, dan mengiktiraf *tafsir isyari* sebagai salah satu jalur pentafsiran muktabar di dalam Islam, selain daripada *tafsir bil ma'tsur* dan *tafsir bi al-Ra'yi*. Justeru, kitab-kitab tafsir isyari, bukan setakat boleh, bahkan perlu dirujuk para pentadabbur, untuk menghayati *matla'* ayat al-Quran.

Kita boleh merumuskan faham Tadabbur al-Quran menurut Sidi Zarruq di dalam rajah berikut:



Rajah 1: Faham Tadabbur al-Quran menurut Sidi Zarruq (w.899H)

Tadabbur al-Quran, menurut Sidi Zarruq, merupakan tanggungjawab muslim terhadap al-Quran. Sekiranya disusun semula kenyataan ini, sekiranya seseorang muslim tidak melakukan tadabbur yang berjaya: tidak mengetahui gharib dan hukum fiqh dalam al-Quran, menterhadkan kefahaman kepada tafsir ma'tsur sahaja, dan tidak memahami makna al-Quran mengikut kesesuaian zahir, batin hadd dan matla' al-Quran, maka, bolehlah disimpulkan bahawa seseorang itu gagal dan tidak melaksanakan tanggungjawabnya terhadap al-Quran.

'Tadabbur al-Quran sebagai tanggungjawab agama' ini (makna normatif tadabbur) merupakan idea yang unik dan khas bagi Sidi Zarruq, dan kurang atau jarang sekali diketengahkan oleh para ilmuwan dengan nada setegas Sidi Zarruq.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah berusaha untuk mengistinbat dan menyusun semula faham Tadabbur al-Quran menurut Sidi Zarruq daripada teks asalnya di dalam *al-Nasihah al-Kafiyah*. Kajian ini menyimpulkan bahawa Tadabbur al-Quran bukan lagi layak dinilai sebagai hobi masa lapang atau aktiviti sampingan, tetapi, menjadi kewajiban dan tanggungjawab agama seorang muslim yang melengkapkan keislamannya. Melalui tadabbur yang sah, sepertimana yang digariskan Sidi Zarruq, kita dapat membayangkan bagaimana kehidupan seseorang itu akan menjadi aman tenteram kerana sentiasa dekat dengan al-Quran. Hidupnya menjadi tafsiran al-Quran, mencontohi perihal Nabi kita S.A.W, yang disifatkan Aisyah: Akhlaknya ialah al-Quran (HR Ahmad, no. 24601). Kesemua ini tidak akan terhasil melainkan dengan tadabbur al-Quran.

## Rujukan

al-Quran al-Karim.

Ahmad. 2001. *Musnad Ahmad*. Damsyik: Muassasah al-Risalah.

Muslim. 2006. *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Taibah.

Ibn Abd al-Barr. 1980. *al-Tamhid*. Morocco: Wizarah al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiah.

Abu Madyan, Muhammad bin Ahmad. 2013. *al-Mawarid al-Sofiyah min Syarh al-Nasihah al-Kafiyah*.

Casablanca: Markaz al-Turats al-Tsaqafi al-Maghribi.

al-Asfahani, al-Raghib. 1991. *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.

al-Baidhawi. t.th. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Buqa'i, Burhanuddin. 1994. *Nazm al-Durar fi Tanasub al-Ayat wa al-Suwar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Hamid, M.A.A. 2019. *Tadabbur Surah Yusuf*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

Ibn Faris, Ahmad. 2001. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turats al-Arabi.

Ibn Utsaimin, Muhammad bin Soleh. 2008. *Usul fi al-Tafsir*. Riyadh: Dar Ibn al-Jauzi.

Ibn Zakri, Abd al-Rahman. 2016. *Syarh al-Nasihah al-Kafiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ismail, Mohammad Syafiq. Kata Pengantar Penterjemah. Dalam al-Wahbi, *Tadabbur al-Quran: Konsep, Cara dan Hikmahnya*. Kuala Lumpur: ABIM Press.

Al-Jurjani, Syarif. 1987. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Khalil, A.M. 2017. *Awwal Marrah Atadabbaru al-Quran*. Kuwait: SB Integrated Advertising Solutions.

- Al-Khudairi, Muhammad. 2013. *al-Siraj fi Gharib al-Quran*. Riyadh: Kursiy al-Quran al-Karim wa Ulumuh - Univ. King Saud.
- Khusyaim, Ali Fahmi. 2002. *Ahmad Zarruq wa al-Zarruqiyah*. Beirut: al-Madar al-Islami.
- al-Lahim, Khalid. 2016. *Mafatih Tadabbur al-Quran wa al-Najah fi al-Hayat*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- al-Maidani, Abd Rahman Habbanakah. 1980. *Qawaid al-Tadabbur al-Amtsal li Kitabillah azza wa jalla'*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Rahman, Syaari *et al.* 2019. *Membumikan Tadabbur*. Bangi: Tadabbur Centre.
- Rahman, Syaari. 2020. *Kompas 114*. Kajang: Paradigma Ibrah.
- Al-Sabt, Khalid. 2016. *al-Khulasah fi Tadabbur al-Quran*. Riyadh: Dar al-Hadharah.
- Al-Tabari, Muhammad. 2012. *Tafsir al-Tabari*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Yasin, Hikmat Basyir. 2004. *Manhaj Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Dar al-Hadharah.
- Al-Wahbi, Fahd. 2019. *Tadabbur al-Quran: Konsep, Cara dan Hikmahnya*. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Al-Zarkasyi, Badruddin. 2013. *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar Ibn al-Jauzi.
- Zabidi, Ahmad Zahiruddin. 2019. *Tadabbur Hikmah Juzuk 'Amma*. Batu Caves: PTS.
- Zarruq, Ahmad. 1985. *Hikam Ibn Ataillah: Syarh al-Arif Billah al-Syeikh Zarruq*. Kaherah: Muassasah Dar al-Sya'b.
- Zarruq, Ahmad. 1993. *al-Nasihah al-Kafiyah liman Khassahu Allah bil 'Afiyah*. Riyadh: Maktabah al-Imam al-Syafi'ie.
- Zarruq, Ahmad. 2006. *Syarh Zarruq ala Matn al-Risalah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Zarruq, Ahmad. 2021. *Nasihah Demi Kitabullah* (ebuku). terj. Mohammad Syafiq bin Ismail. Kuala Lumpur: ABIM Press. Pautan: <https://bit.ly/3khJxGH> (akses terakhir: 22.8.2021)